



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
LAW, GOVERNMENT AND  
COMMUNICATION  
(IJLGC)  
[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



**KEMISKINAN FEMINISME GELANDANGAN BEKAS  
BANDUAN MENERUSI LENSE SUKARELAWAN DI JALAN  
CHOW KIT**

*THE FEMINIZATION OF POVERTY AMONG HOMELESS FORMER PRISONERS  
THROUGH THE LENS OF VOLUNTEERS IN JALAN CHOW KIT*

Mohd Alif Jasni<sup>1\*</sup>, Sabri Sulaiman<sup>2</sup>, Mohd Norbayusri Baharudin<sup>3</sup>, Muhammad Dhamir Audi Azizul<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah  
Email: alevmikail@gmail.com / mohd.alif.jasni@uum.edu.my

<sup>2</sup> Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya  
Email: sabrisulaiman@um.edu.my

<sup>3</sup> Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Universiti Malaya, Malaysia  
Email: mohdnorbayusri@um.edu.my

<sup>4</sup> Center for English Language and General Studies, Lincoln University College  
Email: audiazizul91@gmail.com

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 19.10.2025

Revised date: 18.11.2025

Accepted date: 18.12.2025

Published date: 24.12.2025

**To cite this document:**

Jasni, M. A., Sulaiman, S., Baharudin, M. N., & Azizul, M. D. A. (2025). Kemiskinan Feminisme Gelandangan Bekas Banduan Menerusi Lensa Sukarelawan Di Jalan Chow Kit. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (42), 221-245.

**DOI:** 10.35631/IJLGC.1042015

**Abstrak:**

Kajian ini meneliti fenomena *kemiskinan feminisme* dalam kalangan gelandangan wanita bekas banduan di kawasan Chow Kit, Kuala Lumpur, menerusi lensa sukarelawan yang aktif membantu komuniti tersebut. Fenomena ini mencerminkan bentuk kemiskinan berasaskan gender yang kompleks, di mana faktor seperti jantina, status sosial, rekod jenayah, dan stigma masyarakat saling berinteraksi membentuk kitaran kemiskinan dan pengasingan sosial. Menggunakan reka bentuk kajian kualitatif, data diperoleh melalui temu bual mendalam dengan enam orang sukarelawan yang terlibat secara langsung dengan komuniti gelandangan. Analisis data dijalankan menggunakan kaedah analisis tematik, berpaksikan teori Intersectionality dan Feminist Standpoint Theory bagi meneliti bagaimana identiti berganda mempengaruhi pengalaman gelandangan residivis wanita. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemiskinan feminisme dalam kalangan gelandangan residivis wanita tidak hanya berpunca daripada kekurangan ekonomi, tetapi turut dipacu oleh diskriminasi berasaskan gender, stigma terhadap rekod jenayah, dan ketiadaan sistem sokongan sosial. Penemuan ini sejajar dengan dapatan antarabangsa yang menunjukkan bahawa gelandangan residivis wanita

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

berdepan marginalisasi berlapis, termasuk sekatan terhadap pekerjaan formal, diskriminasi dalam akses kesihatan, dan eksploitasi ekonomi. Sukarelawan mendapati bahawa gelandangan residivis wanita sering menghadapi halangan dalam mendapatkan pekerjaan, tempat tinggal tetap, dan akses kepada perkhidmatan kesihatan. Pengalaman gelandangan residivis wanita di Chow Kit memperlihatkan bagaimana tekanan ekonomi, penolakan keluarga, dan stereotaip gender memperkukuh struktur patriarki yang menindas. Justeru, kajian ini menegaskan keperluan kepada dasar sosial dan intervensi awam yang lebih berkeadilan gender, inklusif, serta berpaksikan hak asasi manusia bagi membantu proses pemberdayaan, pemulihan dan integrasi semula gelandangan residivis wanita dalam masyarakat bandar Malaysia.

**Kata Kunci:**

Feminisme Kemiskinan, Gelandangan Residivis Wanita, Sukarelawan, Intersectionality, Feminist Standpoint Theory

**Abstract:**

This study examines the feminization of poverty phenomenon among formerly incarcerated homeless women in the Chow Kit area of Kuala Lumpur, through the lens of volunteers who actively assist this community. This phenomenon reflects a complex form of gender-based poverty, where factors such as gender, social status, criminal record, and societal stigma interact to create a cycle of poverty and social exclusion. Using a qualitative research design, data were collected through in-depth interviews with six volunteers directly involved with the homeless community. Data analysis was conducted using thematic analysis, guided by Intersectionality Theory and Feminist Standpoint Theory, to explore how multiple identities influence the experiences of homeless recidivist women. The findings reveal that feminization of poverty among homeless recidivist women is not solely caused by economic deprivation but is also driven by gender-based discrimination, stigma associated with criminal records, and the absence of social support systems. These findings are consistent with international studies showing that homeless recidivist women face multiple layers of marginalization, including barriers to formal employment, discrimination in accessing healthcare, and economic exploitation. Volunteers observed that homeless recidivist women often encounter significant obstacles in securing jobs, stable housing, and healthcare services. The experiences of homeless recidivist women in Chow Kit illustrate how economic pressures, family rejection, and gender stereotypes reinforce oppressive patriarchal structures. Therefore, this study emphasizes the need for more gender-sensitive, inclusive, and human rights-based social policies and public interventions to support the empowerment, rehabilitation, and reintegration of homeless recidivist women into urban Malaysian society.

**Keywords:**

Feminization Of Poverty, Homeless Recidivist Women, Volunteers, Intersectionality, Feminist Standpoint Theory

**Pengenalan**

Kemiskinan sering ditakrifkan sebagai kekurangan sumber penting yang diperlukan untuk pemeliharaan kehidupan seperti makanan, tempat tinggal, dan penjagaan kesihatan. Keadaan ini membawa kepada kemerosotan fizikal dan boleh mengakibatkan kesan serius seperti kebuluran dan penyakit (Munsterberg, 2015). Dalam konteks ini, fenomena gelandangan

residivis wanita telah menjadi subjek yang menarik perhatian dalam pelbagai konteks sejarah dan budaya, memandangkan golongan ini sering terpinggir serta diabaikan dalam dasar sosial arus perdana. Gelandangan residivis wanita berhadapan dengan cabaran yang unik serta persepsi masyarakat yang berbeza berbanding gelandangan residivis lelaki, menjadikan pengalaman hidup mereka lebih kompleks dan sarat dengan dimensi gender. Gelandangan residivis wanita merupakan antara kumpulan marginal yang paling terdedah kepada situasi kehidupan yang destruktif dan menyedihkan, terutamanya akibat kemiskinan yang berterusan. Keadaan ini berkait rapat dengan ketidakseimbangan gender dalam masyarakat, di mana wanita sering diwakili secara tidak adil dalam komuniti serta memiliki status sosioekonomi yang lebih rendah berbanding lelaki, walaupun berada dalam strata sosial yang sama (Weevers et al., 2012).

Penyelidikan sejarah menunjukkan bahawa wanita pernah membentuk sebahagian besar populasi gelandangan sehingga pertengahan abad ke-19 (Althammer, 2018). Namun begitu, mereka lebih cenderung terperangkap dalam lingkaran *kemiskinan feminisme* berbanding lelaki, berpunca daripada akses yang terhad terhadap pendidikan, peluang pekerjaan, dan peranan tradisional yang membatasi kebebasan ekonomi mereka sebagai suri rumah atau pekerja sektor informal. Faktor-faktor ini menyebabkan ramai wanita terperangkap dalam kedudukan ekonomi yang lemah, ditambah pula dengan kekangan budaya dan undang-undang diskriminatif yang menafikan hak ke atas sumber daya ekonomi seperti tanah, harta, dan modal. Di banyak tempat, wanita tidak mempunyai hak pemilikan harta yang sama seperti lelaki, seterusnya menjejaskan keupayaan mereka untuk keluar daripada belenggu kemiskinan. Dalam konteks Malaysia, fenomena gelandangan residivis wanita masih kurang menonjol dan jarang didengari berbanding gelandangan residivis lelaki, yang lebih banyak kelihatan menguasai ruang-ruang awam dan aktiviti kutu rayau di bandar-bandar utama (Adriana, 2023). Walau bagaimanapun, invisibiliti ini tidak bermaksud ketiadaan, sebaliknya, ia mencerminkan bagaimana kehidupan gelandangan residivis wanita sering tersembunyi di sebalik stigma, ketakutan, dan pergantungan terhadap jaringan sosial tidak formal.

Dalam kerangka ini, konsep kemiskinan feminisme menjadi penting untuk difahami. Ia merujuk kepada fenomena kemiskinan yang lebih berat dialami oleh wanita dan kanak-kanak berbanding lelaki, sekaligus mencerminkan ketidakadilan gender yang masih wujud dalam struktur sosial dan ekonomi. Menurut MacKenzie (2019), wanita sering mengalami diskriminasi yang menjadikan mereka lebih terdedah kepada kemiskinan, khususnya dalam aspek ekonomi dan sosial. Justeru, pendekatan yang lebih inklusif diperlukan dalam menangani isu kemiskinan, dengan mengambil kira pengalaman dan keperluan unik yang dialami oleh wanita dalam sistem patriarki yang masih mendominasi masyarakat moden. Sehubungan dengan itu, Veeran (2000) menegaskan bahawa kemiskinan tidak seharusnya difahami semata-mata sebagai kekurangan material, tetapi sebagai satu keadaan sosial yang menjejaskan kesejahteraan secara menyeluruh. Hal ini menuntut analisis mendalam terhadap bagaimana wanita mengalami kemiskinan dari segi psikologi, sosial, dan struktural, termasuk pengabaian, stigma, dan diskriminasi yang mereka hadapi. Pendekatan ini amat signifikan dalam memahami situasi gelandangan residivis wanita, iaitu wanita yang kembali menjadi gelandangan selepas melalui pengalaman pemulihan atau pemenjaraan.

Kajian ini memberi tumpuan kepada kemiskinan feminisme dalam kalangan gelandangan residivis wanita di bandaraya Kuala Lumpur, dengan meneliti bagaimana mereka berjuang untuk bertahan di tengah-tengah kekangan sosial, stigma moral, dan penolakan institusi.

Melalui lensa sukarelawan jalanan di kawasan Chow Kit, aktor sosial yang berada di barisan hadapan membantu golongan ini, kajian ini berusaha memahami secara empatik pengalaman dan cabaran sebenar gelandangan residivis wanita dalam konteks urban Malaysia. Isu kemiskinan feminisme telah dikenal pasti sebagai salah satu cabaran global yang semakin meruncing, terutamanya dalam kalangan gelandangan wanita di era moden. Menurut laporan UN Women (2023), lebih daripada 383 juta wanita di seluruh dunia hidup dalam kemiskinan tegar berbanding 368 juta lelaki, menunjukkan jurang struktur yang signifikan dalam akses terhadap pekerjaan formal, pendidikan, kesihatan, dan perlindungan sosial. Fenomena ini sering dirujuk sebagai feminization of poverty (Pearce, 1978; Chant, 2016), iaitu keadaan di mana kemiskinan semakin tertumpu dalam kalangan wanita akibat ketidakseimbangan gender yang berakar daripada sistem sosial dan ekonomi patriarki. Laporan World Bank (2022) turut menegaskan bahawa wanita menghadapi cabaran unik untuk keluar daripada kitaran kemiskinan disebabkan beban kerja tidak berbayar, diskriminasi dalam pasaran pekerjaan, serta akses terhad kepada sumber ekonomi. Dalam konteks negara membangun, wanita sering terpinggir daripada dasar sosial arus perdana, menjadikan mereka lebih berisiko untuk kehilangan tempat tinggal dan berdepan dengan keganasan ekonomi (Moghadam, 2005).

Dalam bandar-bandar besar seperti London, New York, dan Kuala Lumpur, fenomena gelandangan wanita semakin ketara dan memerlukan perhatian dasar yang serius. Sanders (2017) menegaskan bahawa gelandangan wanita mengalami bentuk penindasan berganda (*double marginalization*), di mana mereka bukan sahaja berdepan dengan kemiskinan, tetapi juga stigma moral, diskriminasi gender, dan risiko keselamatan yang lebih tinggi berbanding lelaki. Dalam banyak kes, mereka menjadi mangsa kepada sistem ekonomi kapitalis dan struktur patriarki yang menindas (Chant, 2016; Althammer, 2018). Melalui lensa sukarelawan yang berinteraksi secara langsung dengan golongan ini di jalanan Chow Kit, isu kemiskinan feminisme dapat difahami bukan hanya sebagai persoalan ekonomi, tetapi sebagai refleksi terhadap kegagalan struktur sosial dan dasar awam dalam mengiktiraf pengalaman hidup wanita marginal. Pendekatan ini membuka ruang kepada pembentukan naratif alternatif, satu naratif yang berpaksikan empati, keadilan sosial, dan suara wanita itu sendiri.

## Kajian Literatur

### *Isu Gelandangan dan Kemiskinan Feminisme di Malaysia*

Istilah *feminization of poverty* pertama kali diperkenalkan oleh Pearce (1978) dan kemudiannya diperluas oleh sarjana seperti Chant (2016) dan Moghadam (2005). Konsep ini menyorot kecenderungan wanita untuk mengalami kemiskinan secara tidak seimbang berbanding lelaki, hasil daripada ketidaksamaan struktur sosial, tanggungjawab penjagaan tidak berbayar, diskriminasi ekonomi, serta kekangan peranan gender. Namun begitu, walaupun konsep ini telah lama dibincangkan, pelaksanaannya dalam konteks dasar sosial dan ekonomi masih menunjukkan kelompongan yang besar. Kajian oleh MacKenzie (2019) secara kritikal menegaskan bahawa kemiskinan wanita bukan berpunca daripada kekurangan sumber semata-mata, tetapi lebih mendalam, iaitu akibat daripada struktur patriarki dan pembahagian kerja berasaskan gender yang tidak adil, serta kegagalan dasar awam untuk mengambil kira perspektif dan keperluan wanita.

Dalam konteks bandar moden, Chant (2016) menunjukkan bahawa wanita sering terperangkap dalam sektor pekerjaan informal seperti kerja domestik, penjagaan anak, dan perkhidmatan tidak formal yang rendah upahnya. Bentuk pekerjaan ini bukan sahaja tidak stabil tetapi juga

tidak memberikan jaminan sosial atau keselamatan pekerjaan. Fenomena ini jelas tercermin di kawasan Chow Kit, di mana gelandangan residivis wanita dilaporkan bergantung kepada aktiviti seperti mengutip bahan kitar semula, menjual barangan kecil, atau mengemis untuk meneruskan kehidupan harian. Keadaan ini menepati dapatan Moghadam (2005) yang mengaitkan sistem ekonomi kapitalis dengan kecenderungan untuk meminggirkan wanita, khususnya mereka yang tidak memiliki jaringan sosial, modal manusia, atau pendidikan formal. Dengan kata lain, struktur ekonomi yang berasaskan keuntungan dan kompetitif telah mengukuhkan lagi marginalisasi gender dalam pasaran kerja.

Fenomena gelandangan residivis wanita semakin mendapat perhatian global sebagai bentuk penindasan sosial yang kompleks, berpunca daripada persilangan antara jantina, kemiskinan, dan marginalisasi institusi (Sanders, 2017). Pendekatan analitik melalui teori feminisme dan teori sosial moden membolehkan isu ini difahami bukan sekadar sebagai kegagalan individu, tetapi sebagai akibat struktur sosial yang tidak adil. Dalam konteks Malaysia, peningkatan jumlah gelandangan wanita di kawasan bandar seperti Chow Kit menandakan kegagalan intervensi sosial sedia ada dalam menanggapi isu ketidaksetaraan gender dan ekonomi yang saling berkait. Kawasan Chow Kit sendiri telah lama dikenali sebagai tumpuan bagi kelompok miskin bandar termasuk wanita, kanak-kanak, dan bekas banduan (Adriana, 2023). Walaupun pelbagai agensi kerajaan dan NGO seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM, 2022) telah melaksanakan program pemulihan dan kebajikan, statistik menunjukkan bahawa jumlah gelandangan tidak menurun secara signifikan. Keadaan ini menimbulkan persoalan kritikal terhadap keberkesanan dasar sosial sedia ada, adakah dasar ini benar-benar inklusif terhadap dimensi gender, atau sekadar berfungsi secara generik tanpa mempertimbangkan keperluan unik wanita marginal?

Golongan gelandangan residivis wanita merupakan kumpulan yang paling rentan kerana mereka mengalami diskriminasi berlapis: daripada sistem keadilan jenayah, pasaran kerja, hingga penolakan keluarga dan masyarakat. Bloom dan Covington (2000) menjelaskan bahawa selepas pembebasan, ramai bekas banduan wanita kehilangan tempat tinggal, sumber ekonomi, dan sokongan sosial, yang akhirnya menjerumuskan mereka semula ke dalam kitaran kemiskinan dan pengasingan sosial. Keadaan ini menggambarkan kegagalan struktur institusi dalam menyediakan sistem reintegrasi sosial yang efektif bagi wanita, berbanding pendekatan terhadap bekas banduan lelaki yang sering lebih diberi perhatian dalam perancangan dasar. Dalam konteks sosial Malaysia, dapatan ini diperkuatkan melalui pemerhatian sukarelawan yang berperanan sebagai agen akar umbi dan pemerhati sosial (*social witnesses*). Mereka tidak hanya berfungsi sebagai pemberi bantuan kebajikan, tetapi juga sebagai sumber pengetahuan sosial yang penting untuk memahami realiti kehidupan gelandangan secara mendalam. Pandangan mereka menjadi signifikan kerana ia datang dari pengalaman langsung, berbeza daripada laporan institusi yang sering bersifat deskriptif dan birokratik.

Kajian antarabangsa menunjukkan bahawa stigma sosial terhadap bekas banduan wanita jauh lebih berat berbanding lelaki, kerana masyarakat terus menilai mereka melalui lensa tradisional sebagai isteri, ibu, dan penjaga keluarga (Sanders, 2017; Althammer, 2018). Oleh itu, apabila wanita gagal memenuhi jangkaan gender ini, mereka dianggap “menyimpang” dan “tidak bermoral”, seterusnya diasingkan daripada struktur sosial arus perdana. Penolakan keluarga dan masyarakat menyebabkan mereka kehilangan sistem sokongan yang sepatutnya menjadi mekanisme utama untuk pemulihan dan reintegrasi sosial. Pandangan ini turut diperhatikan oleh sukarelawan di Chow Kit, di mana kebanyakan gelandangan residivis wanita tidak lagi



mempunyai hubungan kekeluargaan dan bergantung sepenuhnya kepada bantuan NGO atau individu prihatin.

Selain stigma sosial, masalah kesihatan mental dan fizikal yang kronik turut memperburuk keadaan. Chant (2016) dan Bloom & Covington (2000) mendapati bahawa gelandangan wanita sering mengalami tekanan psikologi, kemurungan, trauma, serta penyakit berjangkit akibat ketiadaan penjagaan kesihatan asas. Lebih membimbangkan, ketidaksamaan dalam akses kepada perkhidmatan kesihatan reproduktif menunjukkan bagaimana aspek gender diabaikan dalam dasar kesihatan awam. Keadaan ini memperlihatkan kegagalan sistem sosial dalam menangani dimensi gender dalam kemiskinan bandar, serta mengesahkan hujah feminis bahawa kesihatan dan kesejahteraan wanita sering diketepikan dalam kerangka pembangunan arus perdana. Dalam konteks Malaysia, peranan sukarelawan menjadi sangat penting sebagai jambatan antara golongan gelandangan dan institusi formal. Sebahagian besar gelandangan di Kuala Lumpur terdiri daripada bekas banduan, yang menjadikan kerja sukarelawan bukan sahaja berfungsi sebagai bantuan kebajikan, tetapi juga sebagai ruang advokasi sosial (Adriana, 2023). Pendekatan berasaskan empati dan kesedaran gender yang diamalkan oleh sukarelawan membolehkan mereka menjadi suara alternatif dalam mencabar kegagalan dasar sosial yang bersifat neutral gender. Maka, kajian terhadap kemiskinan feminisme dari lensa sukarelawan bukan sahaja membuka ruang pemahaman baharu tentang isu gender dan kemiskinan, tetapi juga menegaskan pentingnya suara akar umbi dalam memperkaya wacana akademik dan dasar sosial yang lebih adil serta inklusif gender.

### **Metodologi Kajian**

Bahagian ini menghuraikan pendekatan metodologi yang digunakan untuk meneliti fenomena *kemiskinan feminisme* dalam kalangan gelandangan residivis wanita di kawasan Chow Kit, Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif penerokaan (*exploratory qualitative approach*) bagi memahami pengalaman, pandangan dan makna sosial yang dikongsi oleh sukarelawan yang terlibat dalam aktiviti kebajikan bersama komuniti gelandangan.

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif kerana pendekatan ini sesuai untuk meneroka fenomena sosial yang kompleks, khususnya berkaitan isu gender dan kemiskinan yang tidak dapat dijelaskan secara kuantitatif. Menurut Creswell dan Poth (2018), pendekatan kualitatif membolehkan pengkaji meneliti pengalaman dan perspektif manusia secara mendalam, melalui naratif dan konteks sebenar kehidupan. Reka bentuk kajian ini berbentuk penerokaan (*exploratory*), iaitu bertujuan mengenal pasti tema dan corak yang muncul daripada pengalaman sukarelawan tanpa menetapkan hipotesis awal. Kaedah ini membolehkan pemahaman kontekstual terhadap bagaimana fenomena kemiskinan feminisme dialami dan ditafsirkan di lapangan.

Walaupun kajian ini berlandaskan *Feminist Standpoint Theory* sebagai hujah epistemologi, penggunaan perspektif sukarelawan sebagai sumber utama data mempunyai keterbatasan yang perlu diakui secara kritikal. Menurut tradisi epistemologi feminis, pengetahuan yang paling autoritatif tentang penindasan sosial lahir daripada pengalaman langsung golongan yang tertindas itu sendiri. Dalam konteks ini, sukarelawan tidak mengalami penindasan berlapis yang dialami oleh gelandangan residivis wanita secara langsung, sebaliknya mereka berfungsi sebagai pemerhati sosial yang berada di luar pengalaman hidup tersebut. Oleh itu, naratif yang

dihasilkan tetap tergolong sebagai *outsider account*, walaupun bersifat empatik dan berasaskan pengalaman lapangan.

Keterbatasan ini membuka ruang kepada potensi bias persepsi, khususnya kecenderungan sukarelawan untuk menafsir pengalaman gelandangan residivis wanita melalui kerangka nilai, latar pendidikan, dan kedudukan sosial mereka sendiri. Sebahagian sukarelawan dalam kajian ini terdiri daripada individu berpendidikan tinggi dan mempunyai kestabilan ekonomi relatif, yang mungkin secara tidak sedar mempengaruhi cara mereka mentafsir konsep seperti “pilihan hidup”, “kebergantungan”, atau “ketidakupayaan keluar daripada kemiskinan”. Risiko romantisasi penderitaan, generalisasi pengalaman, atau penekanan berlebihan terhadap kegagalan individu berbanding kegagalan struktur juga tidak boleh diketepikan sepenuhnya.

Namun demikian, keterbatasan ini tidak menafikan kepentingan perspektif sukarelawan dalam kajian ini. Sebaliknya, pandangan mereka kekal signifikan kerana sukarelawan berperanan sebagai *situated knowers* yang berada di persimpangan antara struktur institusi dan realiti kehidupan jalanan. Interaksi berterusan mereka dengan gelandangan residivis wanita membolehkan mereka menyaksikan pola penindasan yang berulang, kegagalan sistem sokongan formal, serta jurang antara dasar sosial dan realiti pelaksanaan di lapangan. Dalam banyak keadaan, suara sukarelawan berfungsi sebagai jambatan epistemik yang mendedahkan pengalaman golongan marginal yang sering disenyapkan atau sukar diakses secara langsung oleh penyelidik akademik.

Oleh itu, dapatan kajian ini ditafsir secara berhati-hati, bukan sebagai representasi mutlak suara gelandangan residivis wanita, tetapi sebagai naratif perantaraan (*mediated narratives*) yang mencerminkan bagaimana penindasan gender dan kemiskinan difahami melalui lensa aktor akar umbi. Pendekatan ini selari dengan hujah feminis kontemporari yang mengiktiraf kepelbagaian sumber pengetahuan, namun menekankan keperluan reflektiviti pengkaji dalam menilai hierarki suara dan kedudukan kuasa dalam proses penghasilan ilmu. Justeru, kajian ini tidak mendakwa menggantikan suara gelandangan residivis wanita, sebaliknya menyumbang kepada pemahaman struktur penindasan melalui perspektif mereka yang berada paling hampir dengan realiti tersebut, tetapi masih perlu dibaca dalam kerangka kritikal dan refleksif.

### ***Lokasi Kajian, Sampel Kajian Dan Teknik Persampelan***

Kajian ini dijalankan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur, yang dikenal pasti sebagai kawasan tumpuan bagi komuniti gelandangan residivis wanita dan aktiviti kesukarelawan. Lokasi ini dipilih kerana ciri demografi dan sosialnya yang kompleks melibatkan pelbagai latar belakang termasuk wanita, kanak-kanak, serta bekas banduan yang mengalami kemiskinan bandar (Adriana, 2023). Sampel kajian terdiri daripada enam (6) orang sukarelawan yang aktif dalam kegiatan kebajikan di sekitar Chow Kit. Mereka dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*), seperti yang disarankan oleh Patton (2015), iaitu pemilihan peserta berdasarkan pengalaman dan kebolehan mereka memberikan maklumat yang relevan dengan objektif kajian.

### ***Teknik Pengumpulan Data Dan Protokol Temu Bual***

Kaedah utama pengumpulan data ialah temu bual separa berstruktur (*semi-structured interviews*). Pendekatan ini memberikan ruang kepada peserta untuk berkongsi pengalaman secara bebas, sambil membolehkan pengkaji mengekalkan tumpuan terhadap objektif kajian (Creswell & Poth, 2018). Setiap sesi temu bual dijalankan secara bersemuka di lokasi yang

selamat dan kondusif seperti ruang awam yang dikendalikan oleh NGO atau pusat komuniti. Sesi berlangsung antara 45 hingga 60 minit, bergantung kepada kesediaan peserta. Setiap sesi direkod dengan kebenaran bertulis daripada peserta. Rakaman tersebut kemudiannya ditranskripsi secara verbatim untuk memastikan keaslian maklumat. Transkrip ini menjadi asas kepada analisis tematik yang dijalankan kemudian.

### **Etika Penyelidikan**

Etika merupakan elemen penting dalam penyelidikan sosial, khususnya melibatkan isu sensitif seperti kemiskinan, gelandangan dan pengalaman bekas banduan. Kajian ini mematuhi garis panduan etika penyelidikan seperti yang disarankan oleh Orb, Eisenhauer dan Wynaden (2001). Antara langkah yang diambil termasuk:

1. Mendapat persetujuan termaklum (*informed consent*) daripada setiap peserta sebelum temu bual.
2. Memberi jaminan bahawa penyertaan adalah sukarela, dan peserta boleh menarik diri pada bila-bila masa.
3. Menjaga kerahsiaan identiti peserta dengan menggunakan nama samaran.
4. Menyimpan data rakaman dan transkrip dalam fail digital yang dilindungi kata laluan.
5. Mengelakkan sebarang bentuk eksploitasi atau tekanan terhadap peserta sepanjang proses kajian.
6. Etika ini penting untuk melindungi kesejahteraan emosi dan sosial peserta yang terlibat dalam konteks yang rentan.

### **Teknik Analisis Data**

Data dianalisis menggunakan analisis tematik (*thematic analysis*) seperti yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006). Kaedah ini membolehkan pengkaji mengenal pasti corak makna dan tema utama daripada data temu bual. Proses analisis melibatkan enam langkah utama:

1. Pembiasaan dengan data: Membaca dan memahami keseluruhan transkrip.
2. Penjanaan kod awal: Mengenal pasti idea atau frasa penting.
3. Penciptaan tema: Mengelompokkan kod kepada tema utama dan subtema.
4. Semakan tema: Memastikan kesepadanan antara tema dan data mentah.
5. Penamaan tema: Memberi definisi dan makna yang jelas kepada setiap tema.
6. Penulisan laporan: Menghuraikan tema disertai petikan langsung daripada peserta.

Kaedah ini dipilih kerana ia fleksibel dan sesuai untuk menghubungkan dapatan dengan kerangka teori seperti *Intersectionality* dan *Feminist Standpoint Theory*, yang menjadi asas interpretasi dalam kajian ini.

### **Dapatan Kajian**

#### **Profil Demografi Sosial Informan Sukarelawan**

Pengkaji memaparkan profil demografi sosial informan sukarelawan di dalam Jadual 1. Seramai enam orang informan sukarelawan yang telah ditemu bual dan mengikuti kajian lapangan ini. Dari segi jantina, dua orang informan adalah berjantina lelaki manakala seramai empat orang adalah perempuan. Dari segi umur pula, seorang berusia 20 tahun, seorang berusia 30 tahun, seramai tiga orang berusia 35 tahun dan seorang berusia 49 tahun. Dari segi tarah perkahwinan, seramai tiga orang bujang dan tiga orang yang lain telah berkahwin. Mereka berasal daripada pelbagai asal kenegerian termasuk; Kelantan, Terengganu, Kuala Lumpur, Johor dan Sarawak. Dari segi tahap pendidikan, kesemua informan sukarelawan memiliki



pendidikan di peringkat tertier. Seramai dua orang memiliki Ijazah Sarjana Muda, seorang memiliki Ijazah Sarjana dan tiga orang memiliki Doktor Falsafah. Keadaan ini memberi nilai tambah kepada kajian yang dilakukan apabila kesemua informan sukarelawan melibatkan golongan yang intelektual. Maklumat yang diberikan berupanya memberi input yang sangat baik kepada kajian ini.

**Jadual 1: Profil Demografi Sosial Informan Sukarelawan**

| No. | Demografi Informan Sukarelawan | Jantina   | Umur     | Taraf perkahwinan                  | Asal Kenegerian | Pekerjaan                   | Tahap Pendidikan                                                              | Tempoh menjadi sukarelawan |
|-----|--------------------------------|-----------|----------|------------------------------------|-----------------|-----------------------------|-------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|
| 1.  | Firdaus                        | Lelaki    | 30 Tahun | Berkahwin (Mempunyai Dua Anak)     | Kelantan        | Pegawai Pentadbiran         | Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Universiti Sains Malaysia)                  | 6 Tahun                    |
| 2.  | Misha                          | Perempuan | 35 Tahun | Bujang                             | Terengganu      | Eksekutif Pemasaran digital | Ijazah Sarjan Muda (Universiti Utara Malaysia)                                | 14 Tahun (Tahun 2009)      |
| 3.  | Syafiqa                        | Perempuan | 20 Tahun | Bujang                             | Kuala Lumpur    | Pelajar                     | Ijazah Sarjana dalam Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Universiti Malaya | 8 Tahun (2015)             |
| 4.  | Zaiton                         | Perempuan | 49 Tahun | Berkahwin (Mempunyai 3 orang anak) | Johor           | Pensyarah                   | Doktor Falsafah dalam bidang Gerontologi (Universiti Malaya)                  | 22 Tahun                   |
| 5.  | Syafiq                         | Lelaki    | 35 Tahun | Bujang                             | Kelantan        | Pensyarah                   | Doktor Falsafah dalam (Universiti Malaya)                                     | 5 tahun                    |
| 6.  | Aliya                          | Perempuan | 35 Tahun | Berkahwin (Mempunyai seorang anak) | Sarawak         | Pensyarah                   | Doktor Falsafah dalam Kerja Sosial Pendidikan (Universiti Malaya)             | 6 Tahun                    |

### **Kemiskinan Feminisme Gelandangan Residivis Wanita**

Dapatan kajian berkaitan kemiskinan feminisme yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita turut disokong menerusi perspektif informan sukarelawan. Kemiskinan feminisme yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita telah melibatkan pelbagai isu yang saling berkaitan diikuti dengan cabaran yang terpaksa dilalui. Isu gelandangan boleh memberi kesan tanpa mengira gender sama ada lelaki dan wanita, tetapi wanita dilihat menghadapi kesukaran yang lebih kronik dan sering terjejas disebabkan oleh gender mereka. Kajian ini telah mengambil kira perspektif sukarelawan sebagai wakil komuniti untuk berkongsi pandangan mereka terhadap gelandangan residivis wanita. Pelbagai penemuan yang menarik telah terkumpul dan pengkaji mengambil inisiatif untuk mengelompokkan setiap kod yang ditemui mengikut sub-tema yang terpilih. Hal ini bagi memastikan perbincangan yang lebih tersusun dan sistematik. Pengkaji melampirkan kesemua sub-tema seperti berikut:

#### ***Peluang Ekonomi Dan Pengangguran***

Peluang ekonomi dan pengangguran merupakan dua aspek penting yang mempengaruhi keadaan sosial dan ekonomi masyarakat, terutama di kalangan mereka yang berada dalam kemiskinan. Di banyak negara, termasuk Malaysia, ketidakseimbangan dalam akses terhadap peluang ekonomi sering kali menyebabkan masalah pengangguran yang berterusan, yang secara langsung mempengaruhi kualiti hidup individu, terutama golongan yang kurang bernasib baik. Ketika akses kepada pekerjaan yang stabil dan bermakna menjadi terhad, kelompok marginal, termasuk bekas banduan, lebih cenderung mengalami pengangguran dan kesukaran dalam mencari sumber pendapatan yang lestari. Hal ini seterusnya mengakibatkan ketidakmampuan untuk memenuhi keperluan asas seperti tempat tinggal, makanan, dan penjagaan kesihatan, lalu memerangkap mereka dalam lingkaran kemiskinan.

Faktor-faktor ekonomi seperti kadar pertumbuhan, struktur ekonomi, dan dasar kerajaan berperanan besar dalam menentukan peluang ekonomi dan tahap pengangguran sesebuah negara. Di kawasan urban seperti Chow Kit, Kuala Lumpur, peluang pekerjaan mungkin wujud, namun sering kali tidak mencukupi bagi menampung semua pencari kerja, terutamanya bagi golongan yang mempunyai sejarah kesalahan jenayah atau latar belakang sosial yang rumit. Majikan cenderung memilih individu tanpa rekod jenayah dan ini menyebabkan bekas banduan, terutama wanita, menghadapi diskriminasi dalam pasaran pekerjaan. Kekurangan akses kepada pekerjaan yang sesuai bukan sahaja memburukkan keadaan ekonomi mereka tetapi juga menghalang usaha mereka untuk kembali berintegrasi semula dalam masyarakat.

#### ***Ketiadaan Pekerjaan***

Pengangguran boleh menyebabkan gelandangan residivis wanita berada dalam keadaan tidak memperoleh pendapatan tetap. Malahan, pengangguran boleh menyebabkan ketidakstabilan kewangan dan peningkatan risiko untuk tersekat ke dalam kemiskinan. Tanpa pendapatan yang stabil, ia menjadi sukar bagi gelandangan residivis wanita ini untuk memenuhi keperluan asas mereka, seperti tempat tinggal, makanan, pakaian dan penjagaan kesihatan. Ketidakupayaan untuk menampung keperluan ini boleh mendorong gelandangan residivis wanita ke dalam kemiskinan. Apabila kemiskinan semakin meruncing, sesetengah gelandangan residivis wanita mungkin berada dalam keadaan tidak lagi mampu membayar kos perumahan mereka, membawa kepada pengusiran atau perlu keluar dari rumah. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong kod ini:

*“Hampir separuh dari mereka tidak bekerja dan kalau ada pun mungkin terlibat dari memberi bantuan tenaga kepada mana-mana NGO yang hampir dengan mereka.*

*Keadaan ini membuatkan berada dalam keadaan menganggur dan tidak mempunyai sumber pendapatan. Mereka mengalami kesukaran dalam memastikan kelangsungan hidup dan memenuhi keperluan hidup”*

(Firdaus/ Sukarelawan Pertama/ Tahun 2023)

*“Kehidupan sebagai wanita dan juga memegang status sebagai bekas banduan memberikan kesukaran kepada mereka untuk mendapatkan kerja yang stabil. Kebanyakan mereka akan hidup menganggur di jalanan. Ia menyebabkan mereka sukar untuk menyewa, mendapatkan barang keperluan, membeli pakaian dan sebagainya.*

(Misha/ Kesukarelawan kedua/ Tahun 2023)

### ***Rekod Jenayah Memberi Kesan dalam Peluang Hidup***

Selain itu, mempunyai rekod penjara juga boleh menjejaskan peluang pekerjaan yang tersedia untuk gelandangan residivis wanita dan boleh mewujudkan halangan tambahan kepada kestabilan dan integrasi semula ke dalam masyarakat. Ramai majikan menjalankan pemeriksaan latar belakang ke atas pemohon pekerjaan. Keadaan ini boleh menyebabkan bagi sesiapa yang mempunyai rekod penjara boleh menjadi sukar untuk mendapatkan pekerjaan. Sesetengah majikan mungkin teragak-agak untuk mengupah gelandangan residivis wanita yang mempunyai rekod jenayah. Malahan, gelandangan residivis wanita yang mempunyai rekod penjara mungkin menghadapi stigma dan penolakan sosial dari masyarakat, yang boleh menjejaskan keupayaan mereka untuk membina hubungan yang menyokong dan berintegrasi semula ke dalam komuniti. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong kod ini:

*“Kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan juga boleh berpunca daripada rekod penjara dipegang. Selepas keluar dari penjara, mereka akan menuju ke Jalan Chow Kit. Tidak hairan jika ramai gelandangan yang berada di sekitar Jalan Chow Kit merupakan bekas banduan, bekas pelatih pusat pemulihan dan bekas pelatih asrama akhlak. Namun disebabkan rekod jenayah membuatkan majikan enggan mengambil mereka bekerja. Keadaan ini menyebabkan mereka tersekat dalam kehidupan miskin”*

(Zaiton/ Sukarelawan Keempat/ Tahun 2023)

*“Majikan sering mengelak dari mengambil golongan bekas banduan sebagai pekerja. Mereka melihat golongan ini sebagai liabiliti yang boleh beri kesan kepada tempat kerja. Selalu majikan akan membuat semakan kepada mana-mana permohonan kerja yang dibuat. Majikan juga boleh mengetahui golongan ini sebagai bekas banduan dari segi penampilan, cara bercakap dan interaksi. Kesemua ini memberi kesan kepada peluang hidup”*

(Syafiq/ Sukarelawan kelima/ Tahun 2023)

### ***Melakukan Kerja-Kerja Informal***

Gelandangan residivis wanita sering menghadapi cabaran dan halangan yang menghalang akses mereka kepada peluang pekerjaan formal. Keadaan ini menyebabkan ramai dari kalangan gelandangan residivis wanita terpaksa berakhir dengan melakukan pekerjaan tidak formal. Begitu juga buat gelandangan residivis wanita yang mempunyai anak akan mungkin merasa sukar untuk mendapatkan pekerjaan formal kerana ketiadaan orang untuk menjaga. Keadaan kewangan yang tidak mencukupi boleh membuatkan mereka tidak mempunyai pilihan untuk menghantar anak-anak ke penjagaan kanak-kanak. Gelandangan residivis wanita turut

mungkin mempunyai sejarah penyalahgunaan dadah atau masalah kesihatan mental, boleh menghadapi diskriminasi dalam pasaran pekerjaan formal, di samping mengehadkan peluang mereka. Sesetengah gelandangan residivis wanita juga mungkin tidak mempunyai pendidikan formal atau kemahiran khusus pekerjaan, menjadikannya lebih sukar untuk melayakkan diri untuk pekerjaan formal. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong kod ini:

*“Golongan gelandangan residivis wanita lebih banyak melakukan kerja-kerja yang berbentuk informal. Mereka akan berusaha bekerja dengan pelbagai cara atau mereka akan mengutip kotak, tin dan plastik untuk dijual di pusat pengumpulan barang kitar semula untuk mendapatkan duit bagi membeli makanan dan keperluan asas lain. Kadang ada juga sebab nak beli dadah bagi pengguna dadah. Paling terdesak, mereka akan menjadi peminta sedekah. Kebanyakan kerja-kerja informal yang dapat mereka lakukan. Mereka agak sukar mendapatkan kerja-kerja formal sebab latarbelakang mereka yang mempunyai rekod, pendidikan yang rendah dan sebagainya”*

(Zaiton/ Sukarelawan Keempat/ Tahun 2023)

*“Golongan ini sering mengalami kegagalan dalam mendapatkan kerja yang baik. Kebanyakan mereka akan mendapatkan kerja-kerja informal seperti membasuh pinggan, menjaga kedai. Terdapat juga yang memiliki anak yang membuatkan mereka lagi sukar untuk bekerja. Mereka tidak tahu ke mana ingin menghantar anak mereka. Tiada siapa yang dapat menjaga anak mereka. Mereka juga tidak mempunyai kewangan untuk menghantar anak ke pusat jagaan. Ia memberikan kesan kepada golongan wanita ini untuk melakukan pekerjaan.*

(Aliya/Sukarelawan Keenam/ Tahun 2023)

### ***Hanya Mampu Memastikan Kelangsungan Hidup***

Gelandangan residivis wanita sering menghadapi pelbagai cabaran dan risiko semasa hidup di jalanan, dan tumpuan utama mereka sememangnya untuk memastikan kelangsungan hidup. Gelandangan residivis wanita biasanya kekurangan akses kepada sumber kewangan, menjadikannya sukar bagi mereka untuk mendapatkan tempat tinggal stabil atau memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian dan produk kebersihan. Gelandangan residivis wanita mungkin menghadapi halangan untuk mendapatkan dan mengekalkan pekerjaan disebabkan faktor seperti pengalaman kerja yang terhad, tahap pendidikan yang rendah, rekod penjara, ketiadaan kemahiran yang diperlukan, atau diskriminasi. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong kod ini:

*“Apa yang saya lihat golongan mereka boleh kita definisikan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Dan para suami yang bekerja dikawasan tersebut turut dibayar mengikut hari dan sebab itu mereka mengalami kesukaran untuk menabung atau menyediakan tabung simpanan. Kebanyakan hanya mampu memastikan kelangsungan hidup sahaja. Ramai daripada kalangan gelandangan residivis wanita hanya mampu mendapatkan pekerjaan tidak formal disebabkan oleh rekod penjara, tahap pendidikan, ketiadaan kemahiran yang rendah dan sebagainya.”*

(Firdaus/ Sukarelawan Pertama/ Tahun 2023)



*“Mereka ini hanya memastikan kelangsungan hidup. Mereka ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Mereka banyak kerja tidak formal seperti membasuh pinggan dan menjaga kedai”*

(Syafiqah/ Sukarelawan Ketiga/ Tahun 2023)

### ***Tekanan Hidup Akibat Kemiskinan***

Kemiskinan adalah keadaan yang dicirikan oleh kekurangan pendapatan atau sumber yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas. Hal ini dapat dilihat daripada gelandangan residivis wanita yang amat terdedah kepada kemiskinan disebabkan faktor seperti gaji yang lebih rendah, jurang gaji gender dan menggalas tugas sebagai ibu tunggal di dalam isi rumah. Kemiskinan menjadikan gelandangan residivis wanita mencabar untuk memenuhi keperluan asas mereka, termasuk makanan, tempat tinggal, pakaian dan penjagaan kesihatan. Perjuangan berterusan untuk terus hidup dan mencari kestabilan menambah tekanan hidup yang ketara. Kekurangan tempat tinggal yang selamat dan boleh dipercayai menimbulkan tekanan hidup yang besar ketika mereka menghadapi realiti pahit hidup di jalanan atau di tempat perlindungan sementara. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong kod ini:

*“Bila kehidupan bergelandangan ini, secara keseluruhan mereka tidak mempunyai apa-apa. Tekanan semestinya wujud bila berkehendak sesuatu. Terjadi la isu mencuri, melakukan aktiviti yang tidak bermoral dan sebagainya. Mereka terpaksa berjuang untuk hidup. Mereka gagal memenuhi keperluan asas disebabkan kemiskinan yang wujud”*

(Misha/ Sukarelawan Kedua/ Tahun 2023)

*“Gelandangan residivis wanita terpaksa hidup dalam kemiskinan, mereka sukar untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Setiap upah yang di terima adalah sedikit dan sukar untuk bertahan. Mereka hanya mampu melakukan kerja-kerja yang informal. Ramai juga terpaksa hidup dalam kemiskinan yang kronik”*

(Syafiqah/ Sukarelawan Ketiga/ Tahun 2023)

### ***Terpaksa Melakukan Pelbagai Kerja Demi Kelangsungan Hidup***

Gelandangan residivis wanita sering mendapati diri mereka berada dalam situasi sukar yang perlu melakukan pelbagai pekerjaan kerana pelbagai faktor yang berkaitan dengan gelandangan dan kelemahan ekonomi. Gelandangan residivis wanita sering menghadapi jurang gaji gender, berpendapatan kurang daripada lelaki untuk kerja yang serupa. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong kod ini:

*“Kemiskinan boleh membuatkan mereka terdesak untuk melakukan pelbagai kerja untuk mencari wang, pengabaian kesihatan dan penderaan emosi dan mental gelandangan itu.”*

(Syafiqah/ Sukarelawan Ketiga/ Tahun 2023)

*“Kehidupan di jalanan membuatkan mereka terpaksa melakukan apa sahaja pekerjaan demi memastikan kelangsungan hidup. Mereka tidak mempunyai banyak pilihan sebagai seorang gelandangan. Sering kali terjadi dalam jurang gaji dalam kalangan wanita. Wanita terpaksa memperolehi gaji yang jauh lebih rendah berbanding lelaki”*

(Zaiton/ Sukarelawan Keempat/ Tahun 2023)

### ***Perlu Meminta Sedekah***

Gelandangan residivis wanita berkemungkinan untuk berakhir mengemis atas pelbagai sebab. Kebanyakannya dikaitkan dengan cabaran dan kelemahan yang mereka hadapi semasa hidup di jalanan. Gelandangan residivis wanita mungkin menghadapi halangan untuk mendapatkan pekerjaan yang stabil, seperti diskriminasi, ketagihan dadah atau cabaran kesihatan mental, menyebabkan mereka mempunyai sedikit pilihan untuk mendapatkan wang. Aktiviti mengemis sebenarnya menyediakan cara untuk gelandangan residivis wanita mendapatkan wang dengan cepat untuk memenuhi keperluan mendesak mereka, terutamanya apabila memerlukan membayar sewa tempat tinggal segera. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong kod ini:

*“Ada diantara residivis wanita ini bekerja untuk menyara hidup mereka. Namun terdapat juga yang tidak mempunyai kerja, mereka menyara hidup mereka dengan meminta sedekah, mengemis, dan menawarkan khidmat seks.”*

(Syafiq/ Sukarelawan Kelima/ Tahun 2023)

*“Kehidupan sebagai gelandangan ini membuatkan terdapat daripada mereka yang memilih untuk mengemis. Mereka merasakan dengan mengemis sebagai jalan mudah untuk mendapatkan kewangan”*

(Aliya/ Sukarelawan keenam/ Tahun 2023)

### ***Kesukaran Mendapatkan Pekerjaan***

Gelandangan residivis wanita menghadapi pelbagai cabaran dan halangan yang menyukarkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Cabaran ini selalunya berpunca daripada interaksi kompleks gelandangan, isu berkaitan gender dan faktor ekonomi. Gelandangan residivis wanita yang hidup di jalanan boleh membawa kepada kesihatan mental dan fizikal yang terjejas, menyukarkan mereka untuk mencari dan mengekalkan pekerjaan. Isu kesihatan mental, khususnya, boleh menjejaskan kesediaan dan prestasi kerja buat gelandangan residivis wanita. Pengkaji melampirkan petikan temu bual yang menyokong kod ini:

*“Status sebagai bekas banduan dan juga wanita membuatkan lagi sukar buat mereka ini mendapatkan pekerjaan. Isu yang berlapis ini menyukarkan golongan ini untuk mengubah nasib mereka. Mereka tersekat dengan diskriminasi yang berlapis”*

(Syafiq/ Sukarelawan Kelima/ Tahun 2023)

*“Faktor kesukaran mendapatkan pekerjaan, ada yang kehilangan kad pengenalan akhirnya tidak boleh bekerja di kedai, ada juga yang terjebak dengan penagihan dadah dan pelacuran. Keadaan ini menyebabkan mereka agak sukar mendapatkan sumber kewangan yang stabil. Terdapat juga yang mempunyai masalah kesihatan mental yang memberi kesukaran untuk mendapatkan peluang pekerjaan”*

(Aliya/ Sukarelawan Keenam/ Tahun 2023)

### ***Kurang Akses Kepada Sistem Sokongan (Keluarga, Masyarakat Dll)***

Kekurangan akses kepada sistem sokongan, seperti keluarga, masyarakat, dan perkhidmatan sokongan formal, sering kali menjadi faktor utama yang menyukarkan bekas banduan, khususnya wanita, untuk pulih sepenuhnya dan menjalani kehidupan yang stabil selepas keluar dari penjara. Sistem sokongan keluarga dan masyarakat bukan sahaja memberikan sokongan

emosi dan moral tetapi juga dapat membantu dalam menyediakan sumber daya seperti tempat tinggal, bantuan kewangan, dan rangkaian sosial yang lebih luas untuk memudahkan mereka mendapat pekerjaan. Namun, stigma sosial terhadap bekas banduan sering kali menyebabkan mereka diasingkan oleh keluarga dan masyarakat, yang mengakibatkan mereka kehilangan sokongan penting ini. Bagi wanita bekas banduan, cabaran dalam mendapatkan sokongan keluarga adalah lebih rumit kerana masyarakat cenderung menghakimi mereka dengan lebih keras, terutama apabila mereka turut memikul tanggungjawab sebagai ibu tunggal atau penjaga keluarga. Kurangnya sokongan keluarga dan masyarakat menyebabkan mereka merasa terpencil, yang seterusnya mempengaruhi kestabilan emosi mereka dan mendorong mereka kembali ke jalan yang salah atau menjadi mangsa eksploitasi. Ketiadaan tempat bergantung menyebabkan mereka sukar mendapatkan tempat tinggal tetap, yang merupakan keperluan asas bagi mana-mana individu untuk menjalani kehidupan yang produktif dan teratur.

### ***Penolakan Keluarga***

Penolakan keluarga boleh menyebabkan gelandangan residivis wanita berada dalam keadaan tanpa sistem sokongan. Tanpa sokongan emosi, mengalami masalah kewangan dan kehidupan di jalanan boleh membuatkan gelandangan residivis wanita ini terpaksa bergelut dalam memenuhi keperluan asas mereka. Kesemua ini sebenarnya meningkatkan lagi kerentanan mereka kepada kemiskinan dan masalah bergelandangan. Apabila gelandangan residivis wanita menghadapi penolakan keluarga, mereka mengalami kehilangan akses kepada sumber kewangan dan faedah lain yang seringkali disediakan dalam rangkaian keluarga. Keadaan ini boleh menyukarkan gelandangan residivis wanita ini untuk mendapatkan perumahan yang stabil dan mengekalkan diri mereka dari segi ekonomi. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong kod ini:

*“Tidak ada sokongan dari ahli keluarga. Kebanyakan mereka yang bergelandangan adalah mereka yang sudah dibuang keluarga. Keadaan ini menjadi penyumbang kepada kemiskinan buat gelandangan residivis wanita”*

(Misha/ Sukarelawan Kedua/ Tahun 2023)

*“Isu kemiskinan ini berlaku kerana golongan ini sukar untuk keluar daripada lingkaran tersebut disebabkan pelbagai faktor seperti peminggiran keluarga”*

(Zaiton/ Sukarelawan Keempat/ Tahun 2023)

### ***Tidak Mempunyai Tempat Tinggal yang Sempurna***

Gelandangan residivis wanita menghadapi cabaran apabila cuba mendapatkan tempat tinggal yang baik. Hal ini kerana gelandangan residivis wanita mempunyai akses terhad kepada sumber, seperti pendapatan, simpanan atau rangkaian sokongan, yang boleh membantu mereka membeli dan mendapatkan perumahan yang baik. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong kod ini:

*“Kebanyakan gelandangan residivis wanita di Jalan Chow Kit ini tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap. Mereka ini tinggal menyewa di bilik-bilik yang kecil di sekitar Jalan Chow Kit, dan juga tinggal di bangunan tinggal, belakang bangunan, dan pejalan kaki. Mereka ini juga sering menerima bantuan dari segi makanan, pakaian, dan kelengkapan penjagaan diri hasil sumbangan daripada NGO, agensi kerajaan, dan individu persendirian. Gelandangan residivis wanita sering menghadapi masalah perumahan yang kronik. Mereka mungkin tidak mempunyai tempat tinggal yang stabil*

*atau terpaksa tinggal di tempat yang tidak boleh didiami. Ketidakstabilan perumahan yang berterusan memburukkan lagi nasib mereka dan menyukarkan mereka untuk mencari kerja atau mencapai kestabilan kehidupan yang lebih baik.”*

(Syafiq/ Sukarelawan Kelima/ Tahun 2023)

*“Hidup sebagai gelandangan menyebabkan mereka tidak mempunyai tempat tinggal yang sempurna. Mereka terpaksa menyewa bilik secara harian di mana bilik tersebut tidak mencapai piawaian sebagai sebuah bilik yang baik. Mereka menyewa di rumah kedai yang perlu berkongsi tandas, tahap keselamatan yang rendah, pengudaraan yang kurang bersih dan tiada dapur untuk memasak”*

(Aliya/ Sukarelawan keenam/ Tahun 2023)

### **Akses Perkhidmatan yang Terhad**

Gelandangan residivis wanita sering menghadapi situasi mempunyai akses terhad kepada perkhidmatan dan bantuan kerana gabungan faktor struktur, sistemik dan individu. Halangan ini boleh menjadikan gelandangan residivis wanita mengalami cabaran untuk mengakses sokongan yang mereka perlukan untuk memperbaiki keadaan mereka. Gelandangan residivis wanita turut menghadapi berat sebelah gender dan diskriminasi gender, yang boleh membawa kepada akses yang tidak sama rata kepada perkhidmatan berbanding gelandangan residivis lelaki. Sesetengah perkhidmatan mungkin direka bentuk dengan fokus kepada keperluan lelaki, dengan mengabaikan kelemahan dan cabaran khusus yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita ini. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong kod ini:

*“Sesetengah gelandangan residivis wanita mungkin tidak mempunyai akses yang mencukupi kepada perkhidmatan asas seperti pendidikan, penjagaan kesihatan atau perkhidmatan sosial. Kekurangan akses ini boleh menghalang keupayaan mereka untuk memperbaiki kehidupan mereka dan melepaskan diri daripada kitaran kemiskinan. Mereka turut menghadapi situasi diskriminasi gender dalam penerimaan perkhidmatan. Terdapat bantuan perkhidmatan yang tidak sesuai dengan keperluan gender wanita. Hal ini kerana gelandangan residivis wanita mempunyai keperluan khusus yang lain berdasarkan gender mereka. Antaranya rawatan kesihatan reproduktif, bantuan tuala wanita, penjagaan anak-anak bagi yang perlu bekerja dan sebagainya”*

(Firdaus/ Sukarelawan Pertama/ Tahun 2023)

*“Kemiskinan sering dikaitkan dengan sokongan sosial yang terhad. Gelandangan residivis wanita mungkin tidak mempunyai rangkaian sokongan yang mencukupi untuk membantu mereka menghadapi tekanan hidup. Kekurangan sokongan sosial boleh memburukkan lagi perasaan pengasingan, kesunyian, dan ketidakstabilan emosi mereka, yang seterusnya boleh menjejaskan kesihatan mental dan keupayaan mereka untuk menghadapi cabaran hidup. Terdapat keperluan wanita yang tidak dapat dipenuhi berdasarkan perkhidmatan yang disediakan”*

(Syafiq/ Sukarelawan Kelima/ Tahun 2023)

***Gender Stereotaip (Stigma And Labelling) Dan Isu Penjagaan Anak-Anak***

Bagi wanita bekas banduan, stigma dan stereotaip gender memainkan peranan yang besar dalam membentuk pengalaman mereka selepas dibebaskan. Dalam masyarakat, wanita sering kali dilihat melalui lensa peranan tradisional sebagai ibu, isteri, dan penjaga keluarga. Apabila mereka terlibat dalam kegiatan jenayah atau menjadi bekas banduan, mereka kerap dilabelkan secara negatif sebagai tidak berperanan atau tidak layak untuk menjaga keluarga, terutamanya anak-anak mereka. Stigma yang wujud ini bukan sahaja merosakkan imej mereka sebagai individu, tetapi juga menghalang mereka daripada mendapatkan sokongan dan peluang untuk pulih.

Labeling atau pelabelan sosial ini sering kali menyebabkan wanita bekas banduan mengalami pengasingan dalam masyarakat. Masyarakat sering melihat mereka sebagai individu yang tercemar atau tidak bermoral, menyebabkan mereka terpinggir dari peluang pekerjaan dan sokongan sosial yang diperlukan untuk mereka berintegrasi kembali. Selain itu, stereotaip tentang peranan tradisional wanita sebagai ibu atau penjaga juga menyebabkan mereka lebih dihukum berbanding lelaki yang terlibat dalam jenayah. Tindakan mereka dianggap lebih memalukan, kerana ia melanggar norma sosial yang mengharapkan wanita berperanan sebagai penjaga keluarga yang baik.

***Beban Menjaga Anak***

Pengkaji mendapati informan sukarelawan telah mengatakan bahawa gelandangan residivis wanita memiliki beban dalam membesarkan anak-anak. Ketiadaan pasangan boleh memberi kesan gelandangan residivis wanita dalam terpaksa menggalas tugas berseorangan untuk menyara anak-anak. Pengkaji dapat melihat dalam situasi ini apabila gender memainkan peranan penting dalam membentuk beban menjaga anak-anak dalam institusi keluarga dan masyarakat. Terdapat jangkaan bahawa wanita merupakan individu utama yang bertugas dalam membesarkan anak-anak. Dari segi sejarah dan pelbagai budaya yang wujud hari ini, wanita telah dijangka untuk memikul tanggungjawab utama untuk menjaga dan mengasuh anak-anak. Jangkaan ini adalah disebabkan oleh pandangan yang dipengaruhi oleh peranan gender tradisional dan norma masyarakat. Pengkaji juga melihat gelandangan residivis wanita terpaksa melakukan pekerjaan penjagaan tanpa gaji secara tidak seimbang termasuk penjagaan anak-anak, melakukan kerja rumah dan terdapat situasi mereka terpaksa menjaga kedua-dua ibubapa. Keadaan yang berlaku ini boleh menjadi tanggungjawab sepenuh masa, meninggalkan sedikit masa dan tenaga untuk aktiviti lain, termasuk melakukan pekerjaan yang bergaji. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong kod ini:

*“Apa yang saya lihat kebanyakan ibu-ibu gelandangan yang ada di sekitar Jalan Chow Kit ini, mereka lebih kepada menjaga anak-anak, mereka terpaksa menanggung beban dalam membesarkan anak-anak mereka berbanding lelaki. Terdapat juga yang sememangnya ibu tunggal, dan ada juga yang mempunyai suami atau pasangan yang lebih kepada mencari nafkah untuk membayar sewa bilik atau perbelanjaan harian mereka dan keluarga. Sebagai wanita, gelandangan residivis wanita ini yang mempunyai anak, mereka mempunyai tanggungjawab dalam menyara anak-anak di jalanan”*

(Firdaus/ Sukarelawan pertama/ Tahun 2023)

*“Kadang-kadang apa yang berlaku apabila mereka terpaksa menanggung beban menjaga anak. Yang lelaki akan melarikan diri dan tinggalkan wanita ini yang terpaksa*



*menjaga anak-anak mereka. Keadaan ini membuat mereka susah untuk mencari kerja yang stabil dan tidak dapat menghantar anak ke pusat jagaan. Keadaan ini membuat mereka terpaksa bekerja secara tidak tetap seperti menjadi penjaga kedai”*

(Zaiton/ Sukarelawan keempat/ Tahun 2023)

### **Kesukaran Membesarkan Anak-Anak**

Gelandangan residivis wanita menghadapi cabaran yang besar dalam hal membesarkan anak-anak sepanjang hidup di jalanan. Tanpa keadaan hidup yang stabil dan selamat menjadikan proses membesarkan menjadi lebih sukar. Di samping itu, ia turut menambahkan keadaan tekanan dan perasaan ketidakpastian. Gelandangan residivis wanita dan anak-anak mereka sering menghadapi masalah tempat tinggal yang stabil dan selamat, yang boleh merosakkan emosi dan fizikal kanak-kanak. Gelandangan residivis wanita mungkin bergelut untuk menyediakan keperluan asas kepada anak-anak mereka seperti makanan, pakaian dan barangan kebersihan. Kanak-kanak mungkin menghadapi gangguan dalam pendidikan mereka kerana kerap berpindah randah dan kekurangan akses ke sekolah atau sumber pendidikan. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong kod ini:

*“Bagi saya, kaum wanita yang hidup bergelandangan, menghadapi kesusahan untuk membesarkan anak-anak, susahnyanya nak mendapatkan bantuan untuk keluarga sekiranya suami ditangkap oleh pihak berkuasa akibat salah guna bahan terlarang dan sebagainya. Kehidupan di jalanan memberi kesan kepada emosi anak-anak. Kesusahan wanita ini untuk menyediakan keperluan asas untuk anak mereka”*

(Firdaus/ Sukarelawan Pertama/ Tahun 2023)

*“Bagi pendapat saya, cabaran yang mereka hadapi adalah cabaran sepanjang hidup kerana cabaran ini sentiasa mendatang setiap hari. Seringkali buat wanita yang mempunyai anak. Mereka hadapi pelbagai masalah dengan perasaan tekanan dan ketidakpastian. Sebab mereka tidak tahu berapa lama keadaan mereka begitu dalam membesarkan anak-anak ini”*

(Syafiqah/ Sukarelawan Ketiga/ Tahun 2023)

### **Perbincangan**

Kajian ini menyorot isu kemiskinan feminisme dalam kalangan gelandangan residivis wanita melalui perspektif sukarelawan yang aktif menjalankan kerja lapangan di sekitar Jalan Chow Kit. Dapatan kajian memperlihatkan bagaimana interaksi antara jantina, kemiskinan, dan rekod jenayah telah menghasilkan bentuk penindasan berlapis yang menjerat wanita ini dalam kitaran kemiskinan dan gelandangan yang sukar diputuskan. Analisis berdasarkan kerangka Kemiskinan Feminisme menunjukkan bahawa isu utama yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita berpunca daripada kekangan struktur ekonomi dan sosial yang bersifat gender. Seperti yang diujahkan oleh kemiskinan feminisme, ketidaksamarataan akses terhadap peluang ekonomi dan pekerjaan antara lelaki dan wanita merupakan faktor penting dalam mengekalkan kemiskinan (Chant, 2016; Moghadam, 2005). Dalam konteks ini, gelandangan residivis wanita bukan sahaja berhadapan diskriminasi gender, tetapi juga stigma terhadap rekod jenayah yang menafikan mereka peluang pekerjaan formal. Sukarelawan menjelaskan



bahawa ramai daripada mereka sering ditolak oleh majikan kerana dianggap “tidak boleh dipercayai” dan “bermasalah”, meskipun memiliki kemahiran asas yang mencukupi.

Fenomena ini sejajar dengan pandangan Crenshaw (1989) mengenai teori *Intersectionality*, yang menegaskan bahawa penindasan terhadap wanita tidak berlaku semata-mata disebabkan jantina, tetapi hasil daripada persilangan pelbagai identiti sosial seperti kelas, ras, dan sejarah hidup. Dalam kajian ini, faktor seperti kemiskinan, rekod jenayah, dan status sebagai ibu tunggal berinteraksi dan memburukkan lagi kerentanan gelandangan residivis wanita. Dapatan ini turut disokong oleh Bloom dan Covington (2000) yang mendapati bahawa bekas banduan wanita mengalami penghalangan sistemik dalam mendapatkan pekerjaan akibat stigma moral dan undang-undang. Sukarelawan juga menjelaskan bahawa ramai gelandangan residivis wanita kehilangan tempat bergantung selepas keluar dari penjara kerana ditolak oleh keluarga sendiri atas alasan “memalukan” atau dianggap gagal sebagai wanita. Penolakan ini bukan sahaja memperlihatkan ketiadaan jaringan sokongan sosial, tetapi turut menambah satu lagi lapisan penindasan terhadap mereka, kehilangan legitimasi moral dalam masyarakat. Hal ini menguatkan dapatan Sanders (2017) bahawa kegagalan sistem sosial dalam menyediakan jaringan sokongan menyumbang kepada kitaran kemiskinan berasaskan gender di negara maju dan membangun.

Dari sudut *Intersectionality*, penolakan keluarga dan stigma sosial memperkukuh bentuk penindasan berlapis yang dihadapi oleh gelandangan residivis wanita. Mereka bukan sahaja terpinggir dari segi ekonomi, tetapi juga kehilangan sumber emosi dan sosial yang penting untuk pemulihan diri. Dalam konteks Malaysia, stigma masyarakat yang melihat gelandangan residivis wanita melalui kaca mata moral dan agama menambah lagi kesukaran mereka untuk diterima semula dalam arus perdana. Hal ini sejajar dengan pandangan Althammer (2018) yang menjelaskan bahawa sejarah sosial Eropah turut memperlihatkan bagaimana wanita miskin dan “menyimpang” dikawal melalui moraliti awam, bukan pendekatan kebajikan. Keadaan ini turut memperlihatkan bagaimana sistem ekonomi kapitalis berasaskan pasaran bebas mendorong kepada fenomena *feminization of poverty*, di mana wanita mendominasi sektor ekonomi tidak formal seperti memungut barangan kitar semula, mengemis, atau melakukan kerja sementara yang berisiko. Chant (2016) dan Moghadam (2005) menegaskan bahawa ekonomi patriarki cenderung menolak wanita miskin daripada pekerjaan formal, menyebabkan mereka kekal dalam keadaan ekonomi yang tidak stabil. Sukarelawan juga menggambarkan bahawa ramai gelandangan residivis wanita terpaksa melakukan kerja informal atau seks survival demi kelangsungan hidup, memperlihatkan bentuk eksploitasi gender.

Selain itu, masalah kesihatan fizikal dan mental turut menjadi penghalang utama kepada kelangsungan hidup mereka. Ramai gelandangan residivis wanita dilaporkan mengalami tekanan mental, kemurungan, dan trauma akibat pengalaman hidup yang keras. Kemiskinan feminisme menegaskan bahawa akses yang tidak mencukupi terhadap penjagaan kesihatan mengukuhkan kemiskinan gender, khususnya apabila wanita tidak dapat bekerja akibat masalah kesihatan (Moghadam, 2005). Hal ini menunjukkan bagaimana kemiskinan dan kesihatan saling berkait, di mana kekurangan akses kepada rawatan memperkukuh ketidaksetaraan gender dan ekonomi. Dalam konteks epistemologi feminis, Teori Feminist Standpoint oleh Harding (1991) amat relevan dalam memahami pandangan sukarelawan terhadap isu ini. Harding menekankan bahawa pengetahuan sejati tentang penindasan sosial hanya dapat diperoleh daripada pengalaman langsung mereka yang hidup dalam situasi tersebut. Dalam kajian ini, pandangan sukarelawan mewakili *standpoint epistemology* yang

penting kerana mereka menyaksikan sendiri realiti di lapangan, bagaimana gelandangan residivis wanita berjuang untuk bertahan dalam ruang sosial yang meminggirkan mereka.

Sukarelawan menggambarkan bahawa stigma masyarakat terhadap gelandangan residivis wanita amat mendalam: mereka dianggap tidak bermoral, sukar dipercayai, dan tidak layak mendapat peluang kedua. Naratif ini membuktikan dakwaan Harding (1991) bahawa struktur pengetahuan sosial sering dikuasai oleh pandangan dominan iaitu lelaki, kelas pertengahan, dan berpendidikan, manakala suara wanita marginal terus disenyapkan. Dapatan ini turut selaras dengan hujah Sanders (2017) yang menjelaskan bahawa *gendered homelessness* sering tidak kelihatan (*invisible homelessness*) kerana wanita berusaha menyembunyikan keadaan mereka demi mengelakkan stigma dan bahaya seksual. Melalui pemerhatian sukarelawan, jelas bahawa kemiskinan feminisme dalam kalangan gelandangan residivis wanita bukanlah akibat kelemahan individu, tetapi kegagalan struktur sosial dan institusi yang meletakkan wanita sebagai subjek pasif dalam sistem kebajikan. Kebergantungan terhadap komuniti sukarelawan dan NGO membuktikan bahawa dasar sosial yang sedia ada masih belum cukup inklusif dan sensitif gender untuk menjamin pemulihan sosial yang adil. Seperti yang ditegaskan oleh Veeran (2000), dasar sosial yang berkesan perlu mengambil kira keperluan dan suara kumpulan marginal melalui pendekatan empati dan keadilan sosial. Oleh itu, perbincangan ini menegaskan bahawa memahami kemiskinan feminisme gelandangan residivis wanita memerlukan pendekatan yang bersifat interseksional, feminis, dan berasaskan pengalaman akar umbi. Hanya dengan mendengar suara mereka yang hidup dalam realiti kemiskinan dan penolakan sosial ini, dasar serta intervensi sosial yang lebih adil dan berkesan dapat dibentuk. Hasil kajian ini menafsirkan kenyataan sukarelawan sebagai bukti kepada mekanisme struktur patriarki yang beroperasi dalam kehidupan seharian gelandangan residivis wanita. Dalam kerangka *kemiskinan feminisme*, patriarki tidak difahami sebagai sikap individu semata-mata, tetapi sebagai sistem sosial yang membentuk pembahagian kerja, akses sumber, dan legitimasi moral berdasarkan gender. Sebagai contoh, apabila sukarelawan menyatakan bahawa gelandangan residivis wanita “lebih sukar mendapatkan pekerjaan kerana status sebagai wanita dan bekas banduan”, kenyataan ini bukan sekadar menggambarkan diskriminasi, tetapi menunjukkan bagaimana pasaran kerja berfungsi sebagai institusi patriarki yang menilai kebolehkkerjaan wanita melalui norma moral dan peranan gender tradisional. Dalam konteks ini, wanita bukan sahaja dihukum kerana kemiskinan, tetapi kerana kegagalan memenuhi jangkaan sebagai “wanita baik”, ibu yang bertanggungjawab, atau subjek domestik yang patuh. Mekanisme ini selari dengan hujah *feminization of poverty* yang menegaskan bahawa kemiskinan feminisme dihasilkan melalui kawalan sosial ke atas tubuh, peranan, dan nilai moral wanita.

Begitu juga, dapatan mengenai beban penjagaan anak yang ditanggung hampir sepenuhnya oleh gelandangan residivis wanita memperlihatkan operasi patriarki dalam pembahagian kerja tidak berbayar. Kenyataan sukarelawan bahawa wanita “terpaksa menjaga anak sehingga sukar bekerja” membuktikan bahawa tanggungjawab reproduktif telah dinaturalisasikan sebagai peranan wanita, manakala kegagalan struktur menyediakan sokongan penjagaan anak dipindahkan menjadi “masalah individu”. Di sini, patriarki beroperasi bukan melalui paksaan langsung, tetapi melalui penginstitutionan norma gender yang menghalang mobiliti ekonomi wanita, seperti yang diujahkan oleh Chant (2016) dan Moghadam (2005).

Selain itu, naratif sukarelawan tentang stigma terhadap gelandangan residivis wanita — dilabel tidak bermoral, berisiko, dan tidak layak mendapat peluang kedua — memperlihatkan bagaimana patriarki berfungsi melalui mekanisme pelabelan moral (gendered moral regulation). Wanita yang menyimpang daripada peranan tradisional bukan sahaja kehilangan sumber ekonomi, tetapi turut kehilangan legitimasi sosial. Mekanisme ini menjelaskan mengapa kemiskinan dalam kalangan wanita bukan sekadar kekurangan material, tetapi satu bentuk hukuman sosial yang berterusan. Dalam hal ini, dapatan lapangan secara jelas menunjukkan bahawa kemiskinan feminisme bukan fenomena kebetulan, tetapi hasil operasi sistemik struktur patriarki yang mengawal akses, peluang dan maruah wanita.

Oleh itu, kenyataan sukarelawan dalam kajian ini tidak dibaca sebagai pandangan individual semata-mata, tetapi sebagai petunjuk empirikal kepada bagaimana patriarki berfungsi dalam konteks bandar Malaysia. Melalui analisis ini, kajian berjaya menghubungkan teori feminis dengan realiti lapangan secara mekanistik, sekali gus mengukuhkan hujah bahawa kemiskinan yang dialami oleh gelandangan residivis wanita adalah kemiskinan yang digenderkan secara struktural, bukan kegagalan peribadi.

### **Implikasi Dasar dan Intervensi Sosial**

Dapatan kajian ini membawa implikasi penting terhadap perumusan dasar dan reka bentuk intervensi sosial bagi menangani kemiskinan feminisme dalam kalangan gelandangan residivis wanita. Walaupun isu ini sering ditangani melalui pendekatan kebajikan jangka pendek, analisis berasaskan perspektif feminis menunjukkan bahawa kemiskinan yang dialami oleh bekas banduan wanita merupakan hasil kegagalan struktur dasar yang tidak sensitif gender dan trauma. Oleh itu, intervensi yang berkesan perlu bergerak melangkaui bantuan sementara kepada pembentukan sistem sokongan berstruktur dan berterusan yang mengiktiraf pengalaman hidup wanita marginal.

Salah satu implikasi dasar utama ialah keperluan membangunkan model sokongan pasca-penjara yang berasaskan gender. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tempoh sejour selepas pembebasan merupakan fasa paling kritikal yang menentukan sama ada bekas banduan wanita mampu berintegrasi semula atau terperangkap kembali dalam kitaran gelandangan dan kemiskinan. Ketiadaan perumahan, pekerjaan dan sokongan emosi dalam tempoh ini memperlihatkan kegagalan koordinasi antara institusi pemulihan dan sistem kebajikan. Justeru, model sokongan pasca-penjara yang berkesan perlu merangkumi perancangan pra-pembebasan, penyediaan perumahan sementara yang selamat, sokongan psikososial, serta pemantauan berterusan selepas pembebasan. Pendekatan ini menegaskan bahawa pemulihan sosial bukan satu peristiwa terasing, tetapi satu proses jangka panjang yang memerlukan sokongan institusi yang konsisten.

Selain itu, kajian ini menegaskan kepentingan penyediaan tempat perlindungan yang mesra wanita dan berasaskan prinsip *trauma-informed practice*. Dapatan lapangan menunjukkan bahawa ramai gelandangan residivis wanita berasa tidak selamat di pusat perlindungan sedia ada kerana persekitaran bercampur jantina, risiko gangguan, dan peraturan yang tidak mengambil kira keperluan wanita serta anak-anak mereka. Keadaan ini mendorong sebahagian wanita untuk terus hidup di jalanan walaupun bantuan tersedia. Oleh itu, penyediaan *shelter* khusus wanita yang menekankan keselamatan, privasi dan sokongan emosi adalah prasyarat penting kepada pemulihan sosial. Pendekatan berasaskan trauma ini mengiktiraf bahawa pengalaman keganasan, pemenjaraan dan stigma telah memberi kesan mendalam terhadap

kesejahteraan psikologi wanita, dan pemulihan ekonomi hanya dapat dicapai apabila keselamatan emosi dipulihkan terlebih dahulu.

Implikasi dasar turut melibatkan keperluan merangka semula program latihan kerja dan kebolehterkerjaan agar lebih inklusif dan sensitif gender. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kegagalan gelandangan residivis wanita mendapatkan pekerjaan bukan sekadar berpunca daripada kekurangan kemahiran, tetapi juga akibat trauma, stigma rekod jenayah, dan beban penjagaan anak. Oleh itu, program latihan kerja perlu beralih daripada pendekatan berorientasikan produktiviti semata-mata kepada pendekatan pemulihan berperingkat yang fleksibel, menyokong dan realistik. Program kebolehterkerjaan berasaskan *trauma-informed practice* bukan sahaja meningkatkan peluang pekerjaan, tetapi juga mengurangkan risiko kegagalan semula yang sering disalah tafsir sebagai kelemahan individu.

Kajian ini juga menekankan peranan strategik NGO dan sukarelawan sebagai aktor dasar yang penting, bukan sekadar pelaksana bantuan kebajikan. Sukarelawan yang terlibat secara langsung di lapangan memiliki pengetahuan kontekstual yang mendalam tentang keperluan sebenar gelandangan residivis wanita, termasuk jurang antara dasar dan realiti pelaksanaan. Oleh itu, penglibatan NGO dalam proses perancangan, pelaksanaan dan penilaian dasar perlu diperkukuh secara institusi. Pendekatan kolaboratif ini dapat meningkatkan keberkesanan dasar kebajikan serta memastikan intervensi yang dirancang benar-benar berpaksikan pengalaman hidup golongan marginal.

## Penutup

Kajian ini menunjukkan bahawa kemiskinan yang dialami oleh gelandangan residivis wanita bukan sekadar kekurangan ekonomi, tetapi terhasil daripada interaksi struktur antara diskriminasi gender, stigma rekod jenayah dan beban penjagaan tidak berbayar. Dapatan lapangan memperlihatkan bagaimana penghalangan akses pekerjaan, pelabelan moral, dan ketiadaan sistem sokongan pasca-penjara berfungsi sebagai mekanisme patriarki yang mengekalkan kemiskinan berasaskan gender. Dengan berpaksikan *Feminist Standpoint Theory* dan *Intersectionality*, kajian ini menegaskan bahawa pengalaman kemiskinan feminisme bekas banduan bersifat berlapis dan berstruktur, bukan kegagalan individu. Perspektif sukarelawan berfungsi sebagai saksi sosial yang mendedahkan jurang antara dasar kebajikan dan realiti kehidupan jalanan, sekali gus memperluas aplikasi epistemologi feminis dalam konteks kajian gelandangan. Sumbangan baharu kajian ini terletak pada penjelasan mekanisme kemiskinan feminisme dalam konteks urban Malaysia, serta pembezaan jelas antara fenomena *feminization of poverty* dan analisis struktur kemiskinan feminisme. Justeru, kajian ini menegaskan keperluan pendekatan dasar dan intervensi yang bersifat interseksional, sensitif gender dan berteraskan keadilan sosial bagi memutuskan kitaran kemiskinan gelandangan residivis wanita.

## Penghargaan

Kajian ini merupakan inspirasi dari perjalanan penulis pertama sebagai sukarelawan di Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab dan penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

## Rujukan

- Adriana. (2023, May 5). Lelaki, bekas banduan paling ramai berstatus gelandangan di ibu negara. Majoriti. <https://majoriti.com.my/berita/2023/05/05/lelaki-bekas-banduan-paling-ramai-berstatus-gelandangan-di-ibu-negara>
- Althammer, B. (2018). Roaming men, sedentary women? The gendering of vagrancy offenses in nineteenth-century Europe. *Journal of Social History*, 51(4), 736–759. <https://doi.org/10.1093/jsh/shx159>
- Bloom, B., & Covington, S. (2000). Gendered justice: Programming for women in correctional settings. Paper presented at the American Society of Criminology Annual Meeting.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Chant, S. (2016). Women, girls and world poverty: Empowerment, equality or essentialism? *International Development Planning Review*, 38(1), 1–24. <https://doi.org/10.3828/idpr.2016.1>
- Crenshaw, K. (1989). Demarginalizing the intersection of race and sex: A Black feminist critique of antidiscrimination doctrine, feminist theory, and antiracist politics. *University of Chicago Legal Forum*, 1989(1), 139–167.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Sage Publications.
- Harding, S. (1991). *Whose science? Whose knowledge? Thinking from women's lives*. Cornell University Press.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). (2022). *Laporan tahunan gelandangan dan kemiskinan bandar*. Putrajaya: KPWKM.
- MacKenzie, A. C. (2019). Feminization of poverty: Causes and implications. In *Gender equality: Encyclopedia of the UN Sustainable Development Goals*. Springer. [https://doi.org/10.1007/978-3-319-70060-1\\_6-1](https://doi.org/10.1007/978-3-319-70060-1_6-1)
- Munsterberg, E. (2015). The problem of poverty. *American Journal of Sociology*, 10(3), 335–353. <https://doi.org/10.1086/211311>
- Moghadam, V. M. (2005). The “feminization of poverty” and women's human rights. *SHS Papers in Women's Studies/Gender Research*, No. 2. UNESCO.
- Orb, A., Eisenhauer, L., & Wynaden, D. (2001). Ethics in qualitative research. *Journal of Nursing Scholarship*, 33(1), 93–96. <https://doi.org/10.1111/j.1547-5069.2001.00093.x>
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research and evaluation methods* (4th ed.). Sage Publications.
- Pearce, D. (1978). The feminization of poverty: Women, work, and welfare. *Urban and Social Change Review*, 11(1–2), 28–36.
- Sanders, B. (2017). A feminist analysis of homelessness: Gendered pathways, marginalisation, and the politics of visibility. *Social Inclusion*, 5(3), 62–75. <https://doi.org/10.17645/si.v5i3.967>
- UN Women. (2023). *Progress on the Sustainable Development Goals: The gender snapshot 2023*. United Nations. <https://www.unwomen.org/en/digital-library/publications>
- Veeran, V. (2000). Feminization of poverty. *Women's Symposium of International Association of Schools of Social Work*. [https://www.researchgate.net/publication/268506084\\_Feminization\\_of\\_Poverty](https://www.researchgate.net/publication/268506084_Feminization_of_Poverty)
- Weevers, M., Koster, M., & Bijleveld, C. (2012). Swept up from the streets or nowhere else to go? The journeys of Dutch female beggars and vagrants to the Oegstgeest State Labor Institution in the late nineteenth century. *Journal of Social History*, 46(2), 416–429. <https://doi.org/10.1093/jsh/shs101>

World Bank. (2022). Poverty and shared prosperity 2022: Correcting course. Washington, DC:  
World Bank Group. <https://www.worldbank.org/en/publication/poverty-and-shared-prosperity>